

Petikan : Utusan Malaysia

Tarikh : 7 November 2009

10,000 hektar tanah wakaf bakal dibangun

KUALA LUMPUR 6 Nov. – Tanah wakaf di seluruh negara yang berkeluasan hampir 10,000 hektar dengan nilai mencecah RM1.9 bilion akan dibangun oleh kerajaan melalui Yayasan Waqaf Malaysia (YWM).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Jamil Khir Baharom berkata, daripada keseluruhan keluasan tanah wakaf itu, hanya 0.72 peratus sahaja yang dibangun.

Menurutnya, bagi menjayakan usaha itu YWM dan Majlis Agama Islam di setiap negeri akan bersama-sama membangun seterusnya memajukan tanah wakaf di negara ini.

“Dalam konteks pembangunan tanah wakaf ini, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) merupakan pemegang amanah tunggal di peringkat negeri dengan YWM berfungsi sebagai pelengkap pentadbiran tanah wakaf di Malaysia,” katanya dalam sidang media di salah sebuah hotel di sini semalam.

Beliau yang juga Pengerusi YWM berkata, Perdana Menteri Dato’ Seri Najib Tun Razak pada pembentangan Bajet 2010 meluluskan peruntukan awal sebanyak RM20 juta bagi membangunkan tanah wakaf melalui YWM.

“Fokus utama YWM adalah untuk membasmi kemiskinan tegar dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam dengan pelaksanaan projek yang berimpak besar. Projek itu terdiri daripada kedai-kedai wakaf rakyat di kawasan masjid terpilih dan pusat-pusat bazar peniaga kecil di atas tanah wakaf di seluruh negara,” katanya.

Menurutnya, projek itu juga bersifat ‘rakyat sentrik’ yang bertujuan memanfaatkan masyarakat secara langsung daripada pembangunan yang dilaksanakan.

Beliau menambah, YWM merupakan sebuah entiti wakaf kebangsaan yang ditubuhkan pada 23 Julai tahun lalu di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.

“Penubuhan YWM bertujuan membentuk satu badan nasional bagi menggembeng sumber-sumber wakaf untuk dijadikan sumber modal ekonomi berpotensi tinggi seterusnya dimanfaatkan oleh umat Islam secara optimum,” katanya.